

# IMPLIKASI PENGUNDURAN TENTERA BRITISH TERHADAP MALAYSIA DAN SINGAPURA TAHUN 1967–1968

## THE IMPLICATIONS OF BRITISH MILITARY WITHDRAWAL ON MALAYSIA AND SINGAPORE, 1967–1968

Dayang Tania Abg Hipni<sup>1\*</sup>  
Ahmad Zainudin bin Husin<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia, (E-mail: M20182002126@siswa.upsi.edu.my)

<sup>2</sup> Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia, (E-mail: zainuddin.husin@fsk.upsi.edu.my))

\*Corresponding author: M20182002126@siswa.upsi.edu.my

### Article history

Received date : 26-8-2025

Revised date : 27-8-2025

Accepted date : 1-10-2025

Published date : 11-10-2025

### To cite this document:

Abg Hipni, D. T., & Husin, A. Z. (2025). Implikasi pengunduran tentera British terhadap Malaysia dan Singapura tahun 1967–1968. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (76), 915 -928.

**Abstrak:** Artikel ini mengkaji kesan ekonomi daripada pengunduran ketenteraan British dari Malaysia dan Singapura antara tahun 1967 hingga 1968. Kajian ini memberi tumpuan kepada rundingan bantuan ekonomi yang dirancang sebagai pengganti kehadiran fizikal tentera British. Ia mengupas rasional dasar, strategi rundingan, serta koordinasi dalaman antara agensi utama British seperti Perbendaharaan (Treasury), Kementerian Pertahanan (MOD), dan Pejabat Komanwel (Commonwealth Office). Pengunduran ini bukan sahaja menimbulkan krisis pekerjaan dan ketidakstabilan dalam pasaran tempatan, malah turut mencetuskan peluang untuk reformasi ekonomi dalam negeri di Malaysia dan Singapura. Pendirian utama artikel ini ialah bahawa bantuan ekonomi yang diberikan bukan sekadar pampasan penjajahan, sebaliknya merupakan alat baharu dalam strategi pascakolonial British untuk mengekalkan pengaruh serantau melalui pendekatan pembangunan. Penemuan kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang perubahan dalam hubungan antara bekas penjajah dan negara-negara pascakolonial dalam konteks penyusunan semula dasar kuasa besar di peringkat antarabangsa.

**Kata Kunci:** Pengunduran ketenteraan, bantuan ekonomi, pascakolonial, strategi British, Malaysia, Singapura

**Abstract:** This article examines the economic impact of the British military withdrawal from Malaysia and Singapore between 1967 and 1968. It focuses on the negotiations surrounding economic assistance that was planned to replace the physical presence of British troops. The study explores the policy rationale, negotiation strategies, and internal coordination among key British agencies such as the Treasury, the Ministry of Defence (MOD), and the Commonwealth Office. The withdrawal not only triggered employment crises and instability in local markets but also opened opportunities for domestic economic reforms in both Malaysia and Singapore. The central argument of this article is that the economic assistance provided was not merely a form of colonial compensation, but rather a new instrument in British's postcolonial strategy to maintain regional influence through developmental approaches. The findings of this study contribute to a deeper understanding of the evolving relationship between former colonial powers and postcolonial states within the broader context of the international reconfiguration of great power policies.

**Keywords:** Military withdrawal, economic aid, postcolonial, British strategy, Malaysia, Singapore

## Pendahuluan

Pengunduran tentera British dari Asia Tenggara pada akhir 1960-an menandakan peralihan struktur kuasa serantau dan memberi kesan langsung kepada Malaysia serta Singapura yang masih muda dari segi institusi. Perubahan ini menguji keupayaan kedua-dua negara menyesuaikan dasar keselamatan dan ekonomi dalam kerangka pascakolonial yang sedang terbentuk (Cabinet Office, 1967; Dockrill, 2002).

Rasional pengunduran British didorong oleh gabungan faktor fiskal dan geopolitik. Dari segi fiskal, kos tinggi untuk mengekalkan pasukan tentera di pangkalan luar negara selepas perang telah membebankan kewangan negara, sehingga memaksa kerajaan mengehadkan komitmen global. Dari sudut geopolitik pula, keutamaan strategik telah beralih ke Eropah Barat melalui NATO, manakala kawasan di luar Eropah, termasuk Asia Tenggara, dinilai semula kerana tidak lagi sepadan dengan kepentingan utama British. Pertimbangan ini akhirnya membawa kepada dasar *East of Suez Withdrawal*, yang menjadikan pengunduran dari Malaysia dan Singapura sebahagian daripada penstrukturkan semula pertahanan dan bajet negara. (Dockrill, 2002; Cabinet Office, 1967; HM Treasury, 1967).

Kajian ini mengisi kelompongan historiografi dengan memperkuuh pemahaman tentang strategi pascakolonial Malaysia dan Singapura menghadapi pengunduran British. Penelitian terdahulu lebih menekankan aspek geopolitik dan pertahanan, sedangkan dimensi ekonomi seperti kesan terhadap pasaran buruh, kestabilan fiskal, dan daya tahan industri masih kurang diberi perhatian.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan sejarah melalui analisis dokumen sebagai asas utama bagi memahami dimensi strategik dan hubungan diplomatik antara British, Malaysia, dan Singapura. Sumber primer merangkumi dokumen rasmi kerajaan British dan Malaysia, termasuk surat-menyurat sulit, minit mesyuarat, serta laporan pertahanan yang diperoleh daripada The National Archives (UK). Antara dokumen utama yang dianalisis termasuk fail daripada *Commonwealth Relations Office*, *Central Office of Information*, dan *British Defence Coordination Committee (Far East)*. Keseluruhan bahan ini memberikan gambaran menyeluruh mengenai kedudukan

strategik Malaysia dalam kerangka geopolitik serantau, khususnya dalam konteks hubungan tiga hala yang melibatkan kepentingan pertahanan dan kestabilan Asia Tenggara.

Proses analisis dijalankan melalui tiga tahap. Pertama, pengumpulan dokumen primer daripada arkib rasmi yang relevan, termasuk *The National Archives, UK* dan *National Archives of Australia (NAA)*. Kedua, pengekstrakan data dilakukan dengan meneliti maklumat yang berkaitan dengan implikasi ekonomi, politik dan keselamatan, sebelum dikategorikan mengikut tema tertentu. Ketiga, analisis interpretatif dijalankan untuk memahami makna yang terkandung dalam dokumen serta menghubungkannya dengan konteks historiografi sedia ada.

Pendekatan kualitatif berdasarkan dokumen ini dianggap sesuai dengan objektif kajian kerana ia membolehkan penyelidik menilai secara mendalam pandangan, keputusan dan strategi yang digariskan oleh pihak British serta respons daripada Malaysia dan Singapura. Kaedah ini juga membantu mengenal pasti kelompongan antara naratif rasmi British dengan realiti yang dihadapi oleh negara-negara pascajajah. Dengan memanfaatkan sumber primer dan disokong oleh rujukan sekunder seperti karya Dockrill (2002), Pham (2010) dan Hack (2001), metodologi ini memastikan analisis yang dijalankan bersifat komprehensif, sahih dan berdasarkan bukti.

### Kajian Literatur

Kajian mengenai pengunduran tentera British dari Asia Tenggara telah banyak dibincangkan oleh sarjana yang meneliti perubahan dasar pertahanan Britain pada era *East of Suez*. Menurut Dockrill (2002), keputusan Britain untuk berundur bukan sahaja berpunca daripada tekanan kewangan domestik, tetapi juga hasil daripada keutamaan strategik yang diberikan kepada Eropah melalui NATO. Darwin (2011) pula menekankan bahawa pengunduran ini mencerminkan transformasi lebih luas dalam hubungan Britain dengan bekas tanah jajahan, di mana komitmen ketenteraan semakin digantikan dengan bentuk bantuan ekonomi dan diplomasi pascakolonial.

Dari perspektif Asia Tenggara, Hack (2001) dan Harper (1999) menunjukkan bagaimana Malaysia dan Singapura amat bergantung kepada sokongan pertahanan British untuk mengekalkan kestabilan politik serantau. Pham (2010) menambah bahawa pengunduran tersebut telah menguji sejauh mana negara-negara muda ini mampu membina institusi pertahanan dan kewangan yang berdikari, di samping menyesuaikan diri dengan struktur keselamatan Komanwel.

Walau bagaimanapun, perbandingan dengan pengalaman pengunduran British di rantau lain memperlihatkan beberapa persamaan dan perbezaan yang signifikan. Louis (2006) meneliti pengunduran British dari Cyprus dan mendapati bahawa keputusan tersebut turut didorong oleh tekanan fiskal, tetapi faktor geopolitik Timur Tengah yang kompleks menyebabkan Britain masih mengekalkan pangkalan strategik di Mediterranean. Begitu juga dalam kes pengunduran dari Aden, seperti yang dihuraikan oleh Smith (2012), di mana konflik tempatan yang berlarutan memaksa Britain berundur dengan lebih tergesa-gesa, berbeza dengan pendekatan berperingkat di Asia Tenggara.

Perbandingan ini penting kerana ia menunjukkan bahawa pengunduran British bukanlah satu fenomena tunggal, tetapi sebahagian daripada proses global yang berbeza-beza mengikut konteks serantau. Dalam kes Malaysia dan Singapura, pengunduran ini berlaku secara lebih terancang melalui rundingan bantuan ekonomi dan pembentukan kerangka pertahanan baharu, berbanding pengalaman di Cyprus atau Aden yang dipengaruhi oleh konflik bersenjata. Oleh

itu, kajian literatur ini bukan sahaja menyoroti kekurangan penyelidikan mengenai dimensi ekonomi di Asia Tenggara, tetapi juga mengukuhkan kepentingan kajian ini dengan meletakkannya dalam kerangka perbandingan global.

### Latar Belakang Hubungan British, Malaysia dan Singapura Era Selepas Merdeka

Hubungan pertahanan antara British, Malaysia dan Singapura selepas kemerdekaan memperlihatkan satu pola transisi yang kompleks. Walaupun kedua-dua negara baharu ini memperoleh kemerdekaan politik, struktur keselamatan mereka masih banyak bergantung kepada kehadiran British, khususnya melalui Anglo-Malaysian Defence Agreement (AMDA). Perjanjian ini memberikan jaminan bahawa Britain akan terus memainkan peranan dominan dalam memastikan kestabilan serantau, sekali gus mengekalkan pengaruh imperium dalam bentuk baharu (Hack, 2001).

Namun, menjelang penghujung 1960-an, pola ini mengalami perubahan. Malaysia melihat pengunduran British sebagai cabaran terhadap kemampuan pertahanannya, manakala Singapura pula lebih menekankan kepentingan ekonomi dan kesinambungan kedudukan strategiknya sebagai pusat perdagangan serta pangkalan tentera (Harper, 1999). Dari perspektif British, kehadiran mereka tidak lagi berbentuk dominasi unilateral, sebaliknya memerlukan kerangka baharu yang lebih bersifat perkongsian kuasa.

Situasi ini melahirkan pendekatan keselamatan tiga hala yang lebih seimbang. AMDA, yang menonjolkan peranan Britain sebagai pelindung utama, digantikan dengan Five Power Defence Arrangements (FPDA) pada 1971, yang melibatkan Australia dan New Zealand sebagai rakan tambahan. FPDA tidak hanya mengurangkan keterikatan Malaysia dan Singapura terhadap Britain, tetapi juga menandakan perubahan sifat hubungan pertahanan daripada penguasaan kolonial kepada kerjasama multilateral (Dockrill, 2002; British High Commission, 1970).

Bagi Malaysia, peralihan ini memperkuuh kesedaran tentang keperluan membangunkan kapasiti pertahanan nasional secara beransur-ansur. Bagi Singapura, FPDA memberi ruang untuk memelihara kedudukan geopolitiknya sambil menarik pelaburan pertahanan dan industri berkaitan. Bagi Britain pula, penglibatan dalam FPDA membolehkan mereka mengekalkan kedudukan strategik di Asia Tenggara dengan kos politik dan kewangan yang lebih rendah, sambil mengekalkan imej sebagai sekutu rapat dalam struktur keselamatan Komanwel (Darwin, 2011; Smith, 2012).

### Penetapan Dasar Bantuan Ekonomi: Malaysia dan Singapura

Dalam menghadapi pengunduran tentera British dari Asia Tenggara, kerajaan Britain menekankan bahawa bentuk sokongan ekonomi perlu menggantikan fungsi strategik kehadiran ketenteraan yang selama ini menjadi tunjang kestabilan serantau. Dasar bantuan ekonomi ini tidak hanya dirangka untuk menampung kesan kewangan pengunduran, tetapi juga sebagai instrumen diplomatik pascakolonial yang membolehkan Britain mengekalkan pengaruhnya melalui saluran ekonomi (Cabinet Office, 1967).

Menurut laporan OPD (67)55, pengurangan kekuatan tentera British memberi kesan langsung terhadap aliran mata wang asing dan kestabilan fiskal di Malaysia serta Singapura. Kedua-dua kerajaan meminta satu bentuk pampasan ekonomi yang menyeluruh, khususnya bagi menangani risiko pengangguran, kehilangan tukaran asing, dan penurunan aktiviti ekonomi di kawasan sekitar pangkalan (Foreign Office, 1967). Walau bagaimanapun, Perbendaharaan British menolak sebarang tanggapan bahawa bantuan tersebut merupakan bayaran bagi

pangkalan yang ditinggalkan, sebaliknya menegaskan bahawa segala bentuk sokongan perlu diletakkan dalam kerangka kerjasama pembangunan jangka panjang (Foreign Office, 1967).

Perbincangan antara Malaysia dan Singapura dijalankan secara berasingan. Malaysia menekankan keperluan membangunkan kawasan sekitar Butterworth dan Terendak sebagai pusat ekonomi baharu, manakala Singapura menuntut jaminan bagi menguruskan kadar pengangguran yang tinggi serta memastikan keyakinan pelabur asing tidak terhakis (Cabinet Office, 1967). Dari perspektif Singapura, nilai ekonomi pangkalan tentera British khususnya Sembawang dan Tanglin merupakan isu paling kritikal kerana ia menyumbang kepada ribuan pekerjaan dan aktiviti ekonomi sokongan.

Kerajaan British akhirnya mencadangkan bantuan dalam bentuk pinjaman pembangunan, sokongan teknikal, dan program latihan sumber manusia. Langkah ini bertujuan menyediakan asas transformasi ekonomi jangka panjang, di samping mengurangkan tekanan makroekonomi akibat pengunduran mendadak (Defence Review Working Party, 1967). Pendekatan ini memperlihatkan peralihan dasar Britain daripada sekadar perlindungan ketenteraan kepada strategi “bantuan pembangunan” yang mengekalkan hubungan erat dengan bekas tanah jajahan melalui instrumen ekonomi.

Analisis keseluruhan menunjukkan bahawa walaupun dasar bantuan ekonomi antara Malaysia dan Singapura kelihatan serupa, motivasi kedua-dua negara sebenarnya berbeza. Malaysia lebih menekankan kepada usaha mewujudkan legitimasi keselamatan serantau, manakala Singapura memberi tumpuan kepada kelangsungan ekonomi dalam negara. Dalam konteks ini, dasar bantuan British pada tahun 1967–1968 bukan sahaja merupakan reaksi terhadap pengunduran ketenteraan, tetapi juga satu cara halus untuk mengekalkan pengaruh pascakolonial dalam bentuk yang lebih selaras dengan keadaan geopolitik baharu.

### **Kesan Pengunduran Tentera British Kepada Pasaran Buruh Tempatan**

Keputusan pengunduran ketenteraan British dari Malaysia dan Singapura pada tahun 1967 bukan sahaja membawa implikasi strategik dan geopolitik, malah turut memberi kesan langsung kepada pasaran buruh tempatan, khususnya dari segi kehilangan pekerjaan, gangguan terhadap sektor ekonomi, dan ketidakstabilan pendapatan isi rumah. Sebahagian besar pekerjaan yang terjejas melibatkan tenaga kerja sokongan di pangkalan tentera seperti juruteknik, kakitangan penyelenggaraan, pekerja perkhidmatan, dan pembekal tempatan. Kehadiran tentera British sebelum ini turut menyumbang kepada kitaran ekonomi domestik melalui perbelanjaan harian, kontrak logistik, dan sewaan harta tanah. Justeru, pengunduran ini memberi impak terhadap kemerosotan aktiviti ekonomi di kawasan yang bergantung secara langsung kepada operasi ketenteraan tersebut.

Dokumen OPD (67)55 memberi amaran bahawa Singapura bakal berdepan risiko kehilangan 10,000 hingga 20,000 pekerjaan langsung dan tidak langsung sekiranya penutupan pangkalan dilaksanakan secara drastik (Foreign Office, 1967). Kesan ini paling ketara dalam sektor pelabuhan, perkhidmatan penyelenggaraan tentera, pengangkutan, dan perdagangan kecil. Laporan akhbar tempatan turut mengesahkan kebimbangan ini, dengan menekankan potensi kesan rantaian terhadap komuniti perniagaan kecil di sekitar Sembawang dan Tanglin (St Joseph Herald Press, 1969).

Di Malaysia, meskipun kesan pengunduran lebih terkawal berbanding Singapura, kawasan tertentu seperti Butterworth dan Terendak tetap terjejas. Laporan daripada *Ministry of Overseas*

*Development* menjangkakan peningkatan kadar pengangguran sekitar 2% di kawasan-kawasan berdekatan pangkalan utama, yang menjelaskan keluarga bergantung kepada buruh harian serta kontrak perkhidmatan berkaitan operasi ketenteraan (Cabinet Office, 1967). Ini menunjukkan bahawa walaupun jumlah keseluruhan tidak setinggi Singapura, kesannya tetap ketara pada komuniti setempat.

Kerajaan British menyedari risiko sosial ini, namun langkah mereka lebih berbentuk *goodwill gesture* berbanding strategi menyeluruh. Sebahagian kecil bantuan peralihan dicadangkan, tetapi tanggungjawab utama untuk menangani masalah pengangguran dipindahkan kepada kerajaan Malaysia dan Singapura. Hal ini mendorong Malaysia mengemukakan cadangan agar kawasan sekitar pangkalan dijadikan zon pembangunan baharu, manakala Singapura menekankan perlunya latihan semula tenaga kerja serta pengembangan industri sebagai penyelesaian jangka pendek dan sederhana.

Dari sudut analisis historiografi, Dockrill (2002) menegaskan bahawa kesan pengunduran lebih berat dirasai di Singapura kerana kepadatan infrastruktur sokongan ketenteraan di republik tersebut, manakala Pham (2010) berhujah bahawa kegagalan menangani isu pengangguran pascapengunduran berpotensi menjelaskan kestabilan sosial serta kredibiliti Britain sebagai bekas kuasa penjajah. Hal ini menunjukkan bahawa isu pasaran buruh bukan sahaja berkaitan aspek ekonomi, tetapi turut melibatkan persoalan legitimasi politik dan tanggungjawab moral pascakolonial.

Secara keseluruhannya, implikasi pengunduran terhadap pasaran buruh menegaskan bahawa pengunduran tentera tidak hanya bererti perubahan strategik, tetapi turut memberi kesan mendalam kepada kehidupan seharian masyarakat. Justeru, isu pekerjaan menjadi salah satu pemacu utama dalam desakan Malaysia dan Singapura agar Britain menyediakan pakej bantuan ekonomi yang lebih tersusun dan bersifat jangka panjang.

### **Strategi Rundingan Malaysia dan Singapura dalam Isu Bantuan British Kepimpinan Transformasi**

Dalam rundingan bantuan ekonomi antara pihak British dengan Malaysia dan Singapura susulan keputusan pengunduran ketenteraan dari Asia Tenggara pada tahun 1967, pendekatan yang diambil oleh British bersifat strategik, penuh berhati-hati, dan dilaksanakan dalam suasana yang sangat tertutup. Ketika itu, sensitiviti politik dan tekanan kewangan di London, serta kebimbangan terhadap persepsi antarabangsa, mendorong semua bentuk komunikasi dan tawaran bantuan dijalankan secara rahsia dan terhad kepada kumpulan kecil pembuat keputusan.

Salah satu pertimbangan utama kerajaan British ialah memastikan bahawa sebarang bentuk bantuan kewangan atau sokongan teknikal yang diberikan tidak dianggap sebagai pampasan atas penarikan keluar tentera mereka dari rantau ini. Dalam dokumen AEG 5/551/2 dan OPD (67)55, dinyatakan bahawa kerajaan British bimbang jika jumlah sebenar bantuan didedahkan kepada umum, ia boleh mencetuskan tekanan daripada Parlimen British sendiri, serta mendorong negara-negara Komanwel lain untuk menuntut layanan serupa (Foreign Office, 1967). Sehubungan itu, pihak Perbendaharaan dan Pejabat Komanwel sepakat untuk menyalurkan bantuan dalam bentuk yang lebih kabur dan tidak terlalu terikat kepada angka konkret. Sebaliknya, pendekatan bantuan ini digarap berasaskan prinsip kerjasama pembangunan dan tanggungjawab pascakolonial, agar selari dengan imej British sebagai bekas kuasa penjajah yang beralih kepada peranan pembangunan tanpa dominasi ketenteraan.

Strategi ini turut memperlihatkan bahawa British mengambil pendekatan yang berbeza terhadap Malaysia dan Singapura, disesuaikan mengikut keperluan serta keadaan sosioekonomi masing-masing. Singapura, sebagai tapak utama pangkalan Tentera Laut British dan negara yang ekonominya sangat bergantung kepada aktiviti berkaitan ketenteraan seperti pelabuhan, limbungan kapal, logistik, dan bekalan kejuruteraan, menerima perhatian khas daripada pihak British. Dalam perbincangan dalaman, British secara terbuka mengakui bahawa kesan ekonomi terhadap Singapura adalah lebih segera dan ketara berbanding Malaysia.

Justeru, rundingan bantuan memberi penekanan kepada bentuk sokongan yang lebih khusus dan menyeluruh, termasuk kemungkinan melanjutkan kontrak penyenggaraan, penstrukturran semula guna tenaga tempatan, serta penyaluran bantuan langsung kepada industri marin tempatan (AEG 5/551/2).

Sebagai maklum balas, pihak British menekankan kepentingan pelaksanaan program latihan semula dan pembangunan kapasiti tempatan bagi memastikan peralihan ini tidak menjelaskan kestabilan sosial dan politik negara. Surat-menyurat rasmi daripada Pejabat Komanwel turut menunjukkan bahawa Malaysia memilih untuk tidak membuat tuntutan secara terbuka, sebaliknya menyampaikan keperluan mereka dalam bentuk cadangan yang pragmatik dan bersifat jangka panjang (Commonwealth Office, 1967).

Perbezaan pendekatan ini turut berpunca daripada latar hubungan diplomatik yang berbeza antara British dengan Malaysia dan Singapura. Di Singapura, Lee Kuan Yew mengambil pendirian yang lebih tegas namun strategik, dengan pendekatan yang bersifat langsung dan berasaskan kepentingan nasional jangka panjang. Beliau menyedari bahawa pengunduran tentera British memberi risiko ekonomi yang mendalam kepada republik muda itu, justeru menggunakan rundingan bantuan ekonomi sebagai ruang tawar-menawar untuk memacu agenda pembangunan dan penstrukturran semula ekonomi domestik.

Manakala di Malaysia, Tunku Abdul Rahman lebih berhati-hati dalam pendekatannya, berusaha menyeimbangkan keperluan keselamatan dan kepentingan ekonomi tanpa menjelaskan imej negara sebagai sebuah negara berdaulat yang bebas daripada pengaruh penjajah. Tunku juga sensitif terhadap sentimen domestik, khususnya kebimbangan rakyat terhadap sebarang bentuk campur tangan asing yang boleh mencemarkan kemerdekaan politik Malaysia yang baru dicapai (AEG 5/551/2). Sehubungan itu, perbincangan mengenai bantuan ekonomi dirangka dengan penuh cermat dan strategi agar tidak dilihat sebagai usaha mengekalkan pengaruh kolonial, sebaliknya diposisikan sebagai satu proses transisi yang diperlukan untuk menjamin kestabilan serantau dan menyokong pembangunan pascakolonial secara berperingkat. Dalam konteks ini, bantuan ekonomi tidak sekadar dilihat sebagai bentuk sokongan kewangan, tetapi sebagai alat hubungan luar yang mencerminkan anjakan dasar British daripada kuasa penjajah kepada rakan pembangunan.

Secara keseluruhan, strategi rundingan pihak British mencerminkan usaha diplomatik yang kompleks dalam mengimbangi tanggungjawab sejarah sebagai bekas kuasa penjajah, tekanan kewangan dalaman, serta matlamat geopolitik baharu yang semakin tertumpu ke arah Eropah berbanding Asia.

### Kepentingan Ekonomi dan Politik British

British berusaha untuk mengekalkan kedudukannya di Asia Tenggara melalui saluran bukan ketenteraan, terutamanya dalam bentuk kerjasama ekonomi, bantuan kewangan, dan sokongan teknikal (Foreign Office, 1967).

Dari sudut ekonomi, wujud kebimbangan yang nyata dalam kalangan pegawai Perbendaharaan British mengenai kemungkinan berlakunya ketidakstabilan pasaran dan gangguan terhadap laluan perdagangan strategik sekiranya pengunduran ketenteraan dilakukan tanpa pelan susulan yang kukuh. Dalam dokumen AEG 5/551/2, dinyatakan secara jelas bahawa:

*“the economic stability of Malaysia and Singapore is fundamental to the commercial security of British interests in the region”.*

(Foreign Office, 1967).

Kenyataan ini amat signifikan memandangkan Malaysia dan Singapura bukan sahaja merupakan rakan dagang utama British, tetapi juga berfungsi sebagai pintu masuk strategik kepada rangkaian perdagangan British dengan seluruh Asia Timur. Tambahan pula, kedua-dua negara ini menjadi pusat transit utama bagi eksport dan import British yang melibatkan barang mentah seperti getah, timah, serta produk perkilangan. Sebarang ketidaktentuan ekonomi di wilayah ini boleh mengganggu kecekapan logistik dan rantai bekalan global British yang ketika itu masih bergantung kepada laluan perdagangan maritim tradisional di Asia Tenggara. Perkara yang lebih penting adalah kestabilan ekonomi Malaysia dan Singapura turut dilihat sebagai penanda aras kepada kepercayaan pelabur asing dan kestabilan politik serantau secara keseluruhan.

Tambahan pula, Singapura pada ketika itu merupakan pelabuhan logistik utama bagi syarikat-syarikat British yang beroperasi di Asia Tenggara, merangkumi sektor perkapalan, perbankan, dan perdagangan antarabangsa. Sebarang ketidakstabilan ekonomi selepas pengunduran tentera dijangka boleh menjelaskan iklim pelaburan serta membuka ruang kepada kehilangan pasaran kepada pesaing serantau, khususnya dari Amerika Syarikat dan Jepun yang semakin agresif mengukuhkan kehadiran mereka di rantau ini (Dockrill, 2002). Justeru, bantuan ekonomi yang dirundingkan bukan sekadar bentuk pampasan atas pengunduran ketenteraan, tetapi berfungsi sebagai satu bentuk jaminan untuk memastikan kesinambungan sistem perdagangan sedia ada, melindungi kepentingan komersial British, dan mengekalkan daya saing strategiknya di Asia Pasifik.

Dari sudut politik, ketidakstabilan dalam negara-negara bekas jajahan seperti Malaysia dan Singapura dilihat berpotensi membuka ruang kepada pengaruh kuasa luar, khususnya blok Soviet dan China, yang ketika itu giat menyebarkan ideologi kiri di rantau Asia. British masih mempunyai kepentingan strategik untuk memastikan kedua-dua negara ini kekal dalam lingkungan pengaruh politik Barat. Dalam konteks ini, bantuan ekonomi berfungsi sebagai alat “containment” yang lebih halus dan diplomatik, berbanding pendekatan penguasaan ketenteraan secara langsung (Pham, 2010). Ia dilihat sebagai mekanisme pengaruh pascakolonial yang tidak mencetuskan penentangan terbuka, tetapi mampu mengekalkan keseimbangan geopolitik yang menguntungkan British di Asia Tenggara.

Dalam dokumen OPD (67), turut dijelaskan bahawa kegagalan untuk menawarkan bantuan yang mencukupi berpotensi mencetuskan krisis dalaman di Malaysia dan Singapura, yang

seterusnya boleh menjaskan reputasi British sebagai rakan pascakolonial yang bertanggungjawab.

*"There is a risk that abrupt military withdrawal without economic mitigation may undermine regional stability and tarnish British's standing among Commonwealth partner".*

(Foreign Office, 1967).

Strategi ini memperlihatkan peralihan bentuk pengaruh daripada dominasi ketenteraan kepada pendekatan berasaskan ekonomi dan pembangunan serta mencerminkan transformasi dasar luar British yang semakin berorientasikan diplomasi ekonomi dalam era pascakolonial.

### Koordinasi Dalaman British dalam Menentukan Bantuan Ekonomi

Susulan keputusan pengunduran ketenteraan British dari Malaysia dan Singapura pada tahun 1967, beberapa tindakan susulan serta arahan strategik telah digerakkan oleh agensi-agensi utama kerajaan British, termasuk Pejabat Perbendaharaan (Treasury), Kementerian Pertahanan (Ministry of Defence, MOD), dan Jabatan Hal Ehwal Ekonomi (Department of Economic Affairs, DEA). Perbincangan lanjut serta pertukaran pandangan secara rasmi antara jabatan kerajaan sepanjang tempoh tersebut mendedahkan kewujudan satu rangka kerja strategi dalaman yang terancang dan menyeluruh, bukan sahaja merangkumi bentuk bantuan ekonomi yang bakal ditawarkan kepada Malaysia dan Singapura, tetapi juga mempertimbangkan kesan jangka pendek dan panjang terhadap kestabilan politik serantau, keseimbangan diplomatik dalam Komanwel, serta kelangsungan kepentingan perdagangan British di Asia Tenggara. Dasar pengunduran ketenteraan tidak digerakkan secara unilateral, sebaliknya memerlukan koordinasi antara jabatan dalam merangka pendekatan bersepadan yang mengambil kira sensitiviti geopolitik, tekanan kewangan domestik, serta keperluan untuk mengekalkan hubungan baik dengan sekutu pascakolonial.

Dokumen dalam AEG 5/551/2 menunjukkan bahawa Kabinet British telah mengarahkan penubuhan satu mekanisme penyelarasan antara jabatan bagi memastikan keseragaman naratif antara kenyataan awam dan komitmen kewangan sebenar di peringkat dalaman. Satu minit mesyuarat sulit turut menyatakan dengan jelas bahawa sebarang kenyataan berkaitan bantuan kepada Malaysia dan Singapura mestilah mendapat kelulusan rasmi daripada Pejabat Kabinet sebelum diumumkan kepada umum. Ketelitian ini mencerminkan keprihatinan kerajaan British terhadap kemungkinan wujudnya tekanan politik dalaman atau desakan tuntutan serupa daripada negara-negara Komanwel lain sekiranya maklumat berkaitan bantuan diumumkan secara terbuka (Foreign Office, 1967).

Ketegangan antara jabatan kerajaan British turut terserlah dalam perbincangan mengenai kadar serta bentuk bantuan yang akan ditawarkan. Pejabat Perbendaharaan (Treasury), sebagai pelindung dasar kewangan negara, menekankan keperluan agar bantuan dirangka secara berhati-hati dan bersyarat. Dalam satu surat kepada Kementerian Pertahanan bertarikh 4 Disember 1967, dinyatakan bahawa:

*"It would be unwise to give any impression of a blank cheque. Aid must be framed within strict economic priorities."*

(AEG 5/551/2).

Kementerian Pertahanan pula, lebih cenderung menekankan aspek keselamatan dan keperluan strategik untuk mengekalkan kestabilan serantau, termasuk melalui penyusunan bantuan yang dapat menyokong kerjasama pertahanan selepas pengunduran ketenteraan.

Secara keseluruhan, koordinasi bantuan bukan sahaja bersifat reaktif terhadap pengunduran ketenteraan, tetapi juga proaktif dalam menyusun semula orientasi dasar luar British agar selari dengan peranan global baharu yang lebih pragmatik, berhemah, dan berorientasikan pengaruh tanpa dominasi.

### **Reformasi Ekonomi Domestik Pasca pengunduran**

Kebimbangan terhadap pasaran buruh yang terjejas akibat pengunduran tentera British mendorong Malaysia dan Singapura melaksanakan reformasi ekonomi domestik berskala besar. Di Malaysia, kerajaan pimpinan Tunku Abdul Rahman menekankan strategi pemulihan ekonomi melalui pembangunan wilayah dan penyusunan semula struktur ekonomi. Negeri-negeri yang terkesan secara langsung seperti Pulau Pinang dan Melaka diberikan perhatian khusus kerana bergantung kepada aktiviti di pangkalan tentera. Penubuhan Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas pada awal 1970-an menjadi inisiatif paling ketara, dirancang untuk menarik pelaburan asing langsung (FDI), mewujudkan peluang pekerjaan baharu, dan mempercepatkan peralihan ekonomi daripada pergantungan kepada pertanian kepada asas perindustrian moden (Cabinet Office, 1967; Narong, 1975). Langkah ini sekaligus menandakan permulaan transformasi struktur ekonomi Malaysia yang lebih berdaya saing.

Singapura pula bertindak lebih pantas melalui peluasan mandat *Economic Development Board* (EDB) yang ditubuhkan pada 1961. Selepas pengunduran British, EDB diberi tanggungjawab memperkuuh asas perindustrian berorientasikan eksport dan menarik syarikat multinasional untuk melabur dalam sektor elektronik, kejuruteraan, dan pembuatan. Bekas kemudahan ketenteraan seperti limbungan kapal dan loji logistik turut diubah suai menjadi tapak perindustrian baharu, sekali gus membolehkan Singapura beralih daripada ekonomi sokongan ketenteraan kepada model perkilangan eksport yang lebih kompetitif (Pham, 2010; Huff, 1995). Kejayaan strategi ini menjadikan Singapura antara negara paling pesat membangun di Asia Tenggara pada dekad 1970-an.

Selain inisiatif domestik, kedua-dua negara turut mengambil peluang daripada bentuk bantuan teknikal British selepas pengunduran. Program latihan kemahiran, pembangunan sumber manusia, dan pemindahan teknologi yang ditawarkan oleh *Ministry of Overseas Development* bertujuan untuk mengisi kekosongan tenaga mahir yang sebelum ini bergantung kepada kepakaran asing (*Ministry of Overseas Development*, 1967). Program ini memberi manfaat khususnya dalam melahirkan tenaga kerja teknikal dan industri, yang menjadi asas penting kepada pertumbuhan sektor moden di kedua-dua negara.

Analisis historiografi menunjukkan bahawa reformasi ekonomi domestik Malaysia dan Singapura mencerminkan kematangan dalam mengurus kejutan ekonomi. Dockrill (2002) menegaskan bahawa langkah ini mengurangkan kebergantungan kepada Britain, manakala Healey (2015) menekankan bahawa transformasi institusi seperti EDB dan zon industri bebas menandakan peralihan penting ke arah ekonomi terbuka dan lestari. Kedua-dua negara bukan sahaja berjaya mengurangkan kesan pengunduran, tetapi turut menjadikan situasi tersebut sebagai pemangkin kepada model pembangunan nasional yang lebih berdikari dan mampan.

Secara keseluruhan, reformasi ekonomi domestik pasca pengunduran tentera British memperlihatkan keupayaan Malaysia dan Singapura menyesuaikan dasar fiskal, industri, dan pelaburan mereka dengan realiti baharu pascakolonial. Transformasi ini bukan sekadar reaksi jangka pendek terhadap pengunduran, tetapi titik tolak kepada pembentukan ekonomi moden yang lebih berdaya tahan, berorientasikan keperluan domestik, dan tidak lagi bergantung kepada kerangka kolonial lama.

### Kesimpulan

Pengunduran ketenteraan British dari Malaysia dan Singapura pada tahun 1967 merupakan titik perubahan besar dalam landskap strategik dan ekonomi Asia Tenggara. Meskipun langkah ini didorong oleh tekanan kewangan domestik dan keperluan merasionalisasi dasar luar British, ia turut mencetuskan keperluan mendesak untuk menyusun semula hubungan pascakolonial kali ini melalui bantuan ekonomi, bukan lagi menerusi kehadiran ketenteraan secara fizikal. Malaysia dan Singapura, yang sebelum ini bergantung kuat kepada kehadiran tentera British bukan hanya dari aspek keselamatan, tetapi juga dari sudut ekonomi, terpaksa menyesuaikan diri dengan pantas. Dalam konteks ini, rundingan bantuan yang dijalankan antara kerajaan British dan kedua-dua negara menjadi medan ujian terhadap kemampuan British menangani warisan kolonialnya secara bertanggungjawab.

Bantuan ekonomi bukan sekadar berperanan sebagai penampang terhadap potensi krisis ekonomi, tetapi turut menyumbang kepada kestabilan politik dan meredakan ketegangan geopolitik di rantau ini. Bantuan tersebut dirangka dengan penuh berhati-hati dan disesuaikan mengikut keperluan masing-masing, pendekatan berbeza bagi Malaysia dan Singapura bagi mengelakkan ia dilihat sebagai bentuk "pampasan kolonial". Sebaliknya, ia diungkapkan sebagai sebahagian daripada kerjasama pembangunan dan tanggungjawab moral British dalam era pasca-empayar. Rundingan ini turut mendedahkan dinamika dalaman kerajaan British, khususnya ketegangan antara kepentingan fiskal, keutamaan keselamatan, dan keperluan diplomatik dalam pembentukan dasar luar. Pada masa yang sama, Malaysia dan Singapura pula memperlihatkan pendekatan yang berbeza tetapi sama-sama strategik dalam proses rundingan, mencerminkan kematangan politik dan keupayaan diplomatik kedua-dua negara dalam menyesuaikan diri dengan realiti antarabangsa yang sedang berubah.

Akhirnya, proses ini menandakan peralihan pendekatan British dalam mengekalkan pengaruhnya dari dominasi ketenteraan kepada saluran bantuan ekonomi dan kerjasama pembangunan. Pendekatan ini menjadi asas kepada era baharu dalam hubungan antara Malaysia, Singapura dan British, yang berteraskan prinsip kebergantungan strategik yang lebih seimbang serta kerjasama ekonomi sebagai tunjang utama kesinambungan hubungan pascakolonial. Artikel ini secara keseluruhan mengesahkan bahawa bantuan ekonomi pasca-1967 merupakan instrumen penting dalam pelaksanaan diplomasi strategik British dan dalam pembinaan dasar pembangunan nasional bagi kedua-dua negara penerima.

### Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) atas peluang yang diberikan untuk menghasilkan artikel ini. Peluang ini bukan sahaja membuka ruang kepada penulis untuk mengembangkan pengetahuan, malah turut memperkuuh pemahaman dalam bidang penyelidikan sejarah. Ucapan terima kasih yang tulus juga ditujukan kepada penyelia utama, Profesor Madya Dr. Ahmad Zainudin bin Husin, atas segala tunjuk ajar, nasihat yang membina, serta bimbingan berterusan yang sangat membantu dalam memastikan penulisan ini dapat

disempurnakan dengan baik. Keprihatinan dan dedikasi beliau telah menjadi sumber inspirasi dan motivasi sepanjang proses penyelidikan dan penulisan. Tidak dilupakan, penghargaan yang mendalam turut ditujukan kepada seluruh barisan pensyarah Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, atas sumbangan ilmu yang amat bermilai, dorongan moral, serta sokongan akademik yang berterusan. Akhir sekali, penulis juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberikan sokongan moral, berkongsi ilmu, serta menjadi sumber kekuatan sepanjang penghasilan artikel ini. Segala bentuk bantuan, walaupun sekecil mana sekalipun, amat dihargai dan dikenang.

## Rujukan

- Cabinet Office. (1967). *Malaysia and Singapore: Discussions on Implications of Defence Cuts and Economic Aid*. File AEG 5/551/2. The National Archives, UK.
- Cabinet Office. (1967). *Memorandum on Policy Coordination in Southeast Asia*. The National Archives.
- Cabinet Office. (1967). *Memorandum on Southeast Asia Defence Policy Adjustments*. The National Archives.
- Cabinet Office. (1967). *OPD (67)55: British military withdrawal – Economic consequences and assistance strategy in Southeast Asia* [File CAB/148/30]. The National Archives, UK.
- Cabinet Office. (1967). *Overseas Defence Review: Economic and strategic implications of British withdrawal from Malaysia and Singapore*. The National Archives, UK.
- Cabinet Office. (1967). *Policy Communication on Defence Expenditure Reductions in Southeast Asia*. The National Archives, UK.
- Cabinet Office. (1967). *Policy on Overseas Defence Expenditure and Support in Southeast Asia*. Her Majesty's Stationery Office (HMSO).
- Commonwealth Office. (1967). *Correspondence regarding Malaysian and Singaporean reactions to British defence reductions* [File CO/1030/1230]. The National Archives, UK.
- Commonwealth Office. (1967). *Letter from Commonwealth Office to Treasury Chambers, 27 July 1967*. The National Archives.
- Commonwealth Office. (1967). *Letter from Treasury to Commonwealth Office, 28 July 1967*. The National Archives, UK.
- Commonwealth Office. (1967). *Letter from J.O. Moreton to R.H. Belcher, 27 July 1967: Economic aid discussions following military withdrawal*. The National Archives, UK.
- Commonwealth Office. (1967). *Correspondence between J.O. Moreton and R.H. Belcher on Defence Reduction Talks with Singapore*. National Archives (UK).
- Darwin, J. (2011). *Unfinished empire: The global expansion of Britain*. Allen Lane.
- Dockrill, S. (2002). *Britain's retreat from East of Suez: The choice between Europe and the world?* Basingstoke: Palgrave Macmillan.
- Foreign Office. (1967). *AEG 5/551/2 – Economic implications of reduction of British defence expenditure: Discussions with Governments of Malaysia and Singapore*. The National Archives, UK.
- Foreign Office. (1967). *Correspondence on economic aid to Malaysia and Singapore* (File DO 169/2). The National Archives, UK.
- Global Britain's strategic problem East of Suez. (2021). *European Journal of International Security*, 6(3), 315–337. Cambridge University Press.  
[https://www.cambridge.org/core/journals/european-journal-of-internationalsecurity/article/global-British-strategic-problem-east-of-suez/D2B5F61DD1DE07075D5EC36BE94C3058](https://www.cambridge.org/core/journals/european-journal-of-international-security/article/global-British-strategic-problem-east-of-suez/D2B5F61DD1DE07075D5EC36BE94C3058)
- Hack, K. (2001). *Defence and decolonisation in Southeast Asia: Britain, Malaya and Singapore, 1941–1968*. Routledge.

- Harper, T. N. (1999). *The end of empire and the making of Malaya*. Cambridge University Press.
- Healey, M. (2015). Britain and the East of Suez: A reassessment of the withdrawal, 1964–1971. *Journal of Imperial and Commonwealth History*, 43(2), 328–352.  
<https://doi.org/10.1080/03086534.2015.1026131>
- High Commission Singapore. (1967, August 1). *Telegram to Commonwealth Office on ministerial visit and economic sensitivity* [File DO/169/2]. The National Archives, UK.
- High Commission Singapore. (1967). *Telegram to Commonwealth Office on Singapore's economic concerns post-troop withdrawal*. The National Archives, UK.
- HM Treasury. (1967). *Memorandum on possible financial assistance to Malaysia and Singapore following defence reductions* (AEG 5/551/2). The National Archives, UK.
- Huff, W. G. (1995). The development state, Singapore, and the Asian NICs. *World Development*, 23(8), 1421–1438. [https://doi.org/10.1016/0305-750X\(95\)00057-D](https://doi.org/10.1016/0305-750X(95)00057-D)
- Louis, W. R. (2006). *Ends of British imperialism: The scramble for empire, Suez, and decolonization*. I.B. Tauris.
- Ministry of Overseas Development. (1967). *Internal note on economic impact of British defence cuts in Malaysia and Singapore* [File OD/67/45]. The National Archives, UK.
- Ministry of Overseas Development. (1967). *Memorandum on economic aid strategy to Southeast Asia post-military withdrawal* [File OD/67/45]. The National Archives, UK.
- Ministry of Overseas Development. (1967). *Technical assistance and manpower training reports for Malaysia and Singapore*. The National Archives, UK.
- Narong, S. (1975). The Penang free trade zone and Malaysia's industrialisation strategy. *Journal of Southeast Asian Studies*, 6(2), 208–232.
- Pham, P. L. (2010). *Ending East of Suez: The British decision to withdraw from Malaysia and Singapore, 1964–1968*. Oxford University Press.
- Pham, Q. N. (2010). British decolonization in Southeast Asia: The economic and strategic legacy. *Journal of Southeast Asian Studies*, 41(2), 215–237.
- Smith, S. C. (2012). *Ending Empire in the Middle East: Britain, the United States and Post-war Decolonization, 1945–1973*. London: Routledge.  
<https://doi.org/10.4324/9780203143728>
- St. Joseph Herald Press. (1969, February 12). British bases closing brings fears of unemployment. *St. Joseph Herald Press*, hlm. 6.
- Survey of British and Commonwealth Affairs. (1967). *British Defence Commitments in Asia: Economic and Political Effects*. London: Institute of Commonwealth Studies. Retrieved from <https://archive.org>
- Treasury Chambers. (1967). *Internal Brief on UK Overseas Expenditure Reductions*. HM Treasury.
- Treasury Chambers. (1967, July 28). *Letter from A. Mackay to R.H. Belcher: Economic aid and matching obligations* [File AEG 5/551/2]. The National Archives, UK.
- Treasury & Commonwealth Office. (1967). *Memoranda and correspondence on aid and technical assistance to Malaysia and Singapore following defence reductions* [File AEG 5/551/2]. The National Archives, UK.
- Treasury Chambers. (1967). *Memorandum on Financial Assistance Principles and Matching Obligations in Southeast Asia*. HM Treasury.
- Treasury Chambers. (1967). *Memorandum on Financial Constraints and Overseas Military Spending*. Treasury Department Archives.
- United Kingdom Government. (1966). *Defence White Paper 1966: Statement on the Defence Estimates 1966*. London: HMSO. <https://archive.org/details/defencewhitepaper-1966>

United Kingdom Government. (1967). *Report by the Secretary on Defence Reductions and Economic Repercussions in the Far East*. National Archives. Retrieved from <https://archive.org>